

Budaya dan Amalan Ritual Kematian Ketua Komuniti (Ketaoh) Etnik Berawan

(Culture and Ritual Practices of the Death of Community Leaders (Ketaoh) in Berawan Ethnicity)

Sara Shakilla Mohd Salim¹ , Abu Zarrin Selamat² , Fatin Hana Naning^{3*} 
Munirah Muhaidin⁴ , Mohamad Maulana Magiman⁵ 

¹Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tg. Malim, Perak, Malaysia.
Email: sara.salim@fsk.upsi.edu.my

²Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tg. Malim, Perak, Malaysia.
Email: zarrin@fsk.upsi.edu.my

³Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan, dan Sains, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia.
Email: fatinhanaz@upm.edu.my

⁴Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan, dan Sains, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia.
Email: munirahmuhaidin98@gmail.com

⁵Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan, dan Sains, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia.
Email: mdmaulana@upm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Fatin Hana Naning
(fatinhanaz@upm.edu.my)

KATA KUNCI:

Berawan
Ritual Kematian
Ketaoh
Kepercayaan
Adat

KEYWORDS:

Berawan
Death Ritual
Ketaoh
Belief
Customs

CITATION:

Sara Shakilla Mohd Salim et al. (2024).
Budaya dan Amalan Ritual Kematian Ketua
Komuniti (Ketaoh) Etnik Berawan.
Malaysian Journal of Social Sciences and

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk mengkaji budaya ritual kematian komuniti etnik Berawan terhadap ketua komuniti (ketaoh). Upacara kematian kebiasaannya melibatkan pelbagai ritual dan istiadat yang berfungsi untuk mengimbangi dan mengukuhkan hubungan komuniti serta menyatakan nilai-nilai yang mencorak kehidupan mereka. Etnik Berawan dipilih sejajar dengan isu minoriti yang wujud pada masa kini yang merangkumi konteks keberterusan amalan kebudayaan yang dipegang serta diamalkan. Objektif utama kajian ialah mengkaji proses-proses ritual dan jenis-jenis simbol ritual dalam pelaksanaan pemakaman ketua komuniti etnik Berawan serta menilai prinsip sosial yang terkandung dalam ritual tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi berdasarkan kajian lapangan yang terdiri daripada temubual dan pemerhatian turut serta. Kajian lapangan ini juga disokong oleh sumber-sumber perpustakaan seperti buku, jurnal, dan kajian ilmiah yang relevan dengan bidang penyelidikan yang dijalankan. Hasil kajian menunjukkan bahawa budaya dan amalan ritual kematian ini berubah berdasarkan perubahan amalan dan kepercayaan agama yang dianuti kini dan pengaruh gaya hidup arus perdana. Kajian ini dijangka menyumbang kepada pengetahuan

Humanities (MJSSH), 9(4), e002775.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i4.2775>

budaya etnik Berawan yang lebih bersifat mampan melalui penerbitan dan praktis.

ABSTRACT

This paper aims to study the culture of the death ritual of the Berawan ethnic community on the community leader (ketaoh). Death ceremonies usually include various rituals and ceremonies that create balance and community solidarity and display the values surrounding their lives. This ethnicity was chosen in line with the minority issues today, which include the context of the continuity of cultural practices that are held and observed. The main objective of the study is to study the ritual processes and types of ritual symbols in the execution of the funeral of the head of the Berawan ethnic community, as well as to evaluate the social principles found in the ritual. This study uses an ethnographic approach based on field research consisting of interviews and participant observation. This field study is also supported by library research materials such as books, journals, and scientific studies related to the conducted research. The study results show that the culture and practice of this death ritual change based on the change in religious practices and beliefs practised now and the influence of the mainstream lifestyle. This study is expected to contribute to the knowledge of Berawan ethnic culture that is more sustainable through publication and practice.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada tentang adat istiadat pemakaman etnik minoriti di Sarawak iaitu Berawan. Kajian juga menyorot kepada perubahan yang berlaku kepada kefahaman dan pengamalan adat tradisional setelah berlaku pertembungan dengan agama dan keadaan semasa.

1. Pengenalan

Kumpulan etnik Berawan merupakan komuniti asli Sarawak dan merupakan salah satu sub-etnik dari etnik minoriti Kaum Orang Ulu. Etnik Berawan boleh dipecahkan kepada empat komuniti berdasarkan tempat tinggal mereka iaitu Long Terawan, Long Jegan, Batu Belah, serta Long Teru. Perkampungan etnik Berawan bagi masyarakat Long Teru dapat diselusuri di sepanjang Sungai Teru, Sungai Tatan, Sungai Pelajau dan Loagan Bunut. Kebanyakan komuniti Long Jegan terletak di kawasan Tinjar. Petempatan masyarakat Batu Belah yang terkenal ialah di Long Ukuk, Long Baloh, dan Long Patan. Manakala masyarakat Long Terawan kebanyakannya menetap di Mulu dan Long Terawan. Pada asalnya, "Berawan" merupakan eksonim kepada komuniti Long Jegan sahaja, yang mana endonimnya ialah "Melawan". Namun, pada masa kini, endonim tersebut turut digunakan oleh komuniti Batu Belah dan Long Teru. Manakala komuniti Terawan Berawan pula merujuk komuniti mereka sebagai "Likkoh Kita" (Burkhardt & Burkhardt, 2019).

Daripada aspek organisasi sosial, etnik Berawan hanya mempunyai dua perbezaan status sosial: pertama, kelas pemerintah atau bangsawan yang dikenali sebagai "ketaoh" serta kerabat ketaoh, dan kedua, rakyat biasa. Namun begitu, pembahagian sosial ini memberi kesan kepada pelbagai adat dan upacara tradisional. Seperti kebanyakan etnik lain di Sarawak, masyarakat Berawan juga mengamalkan cara hidup di lingkungan sosial rumah

panjang. Rumah panjang biasanya menjadi kediaman bagi sesuatu keturunan keluarga kepada beberapa generasi yang berfungsi sebagai ruang kediaman komunal serta menjadi pusat aktiviti sosial, ekonomi dan budaya dalam komuniti.

Sementara itu, daripada aspek ekonomi, komuniti tradisional etnik Berawan menjalankan kegiatan pertanian padi huma serta tanaman pindah ([Metcalf, 1976](#)). Sumber pendapatan utama bagi komuniti Long Teru ialah perikanan di kawasan sungai serta tasik Loagan Bunut. Hasil perikanan biasanya dijual di pekan berhampiran yang dipanggil Lapok. Pengumpulan hasil hutan seperti rotan, atap dan buah-buahan hutan semakin kurang dijalankan oleh komuniti Berawan. Hanya komuniti Long Teru masih mengumpul sayuran dan hasil hutan kerana penempatan mereka terdedah kepada banjir yang menyukarkan mereka untuk bercucuk tanam. Beras, ubi kayu dan sagu adalah antara hasil tanaman serta makanan ruji utama mereka ([Burkhardt & Burkhardt, 2017](#)). Namun pada masa kini, ramai masyarakat Berawan telah bekerja di sektor awam dan swasta.

Setiap agama atau komuniti mempunyai cara tersendiri dalam menanggapi kematian. Tanggapan-tanggapan tersebut telah membentuk rasa keinginan untuk melakukan pelbagai ritual kematian. Sebelum menganut agama Kristian atau Islam, kebanyakan etnik Berawan dahulu kala berpegang kepada sistem kepercayaan animism. Bagi komuniti Berawan, sejurus selepas kematian, perayaan dan ritual bermula yang melibatkan seluruh komuniti. Ini adalah kerana perayaan memainkan peranan yang besar di dalam budaya etnik Berawan terutamanya apabila berlaku kematian di sesebuah kampung. Menurut kepercayaan masyarakat Berawan tradisional, roh-roh orang yang meninggal dunia ini melakukan perjalanan kembali ke tempat asal kejadian manusia yang dipanggil sebagai "bilih puong."

Pada dasarnya, ritual adalah rangkaian kata-kata, tindakan, atau amalan yang dilakukan oleh penganut sesuatu agama, dengan menggunakan peralatan dan kelengkapan tertentu, di lokasi tertentu, dan dengan pakaian yang khusus. Ritual merupakan perbuatan keramat yang ditandai dengan pelbagai unsur seperti waktu, tempat upacara, peralatan yang digunakan, serta juru acara. Antara tujuan ritual diamalkan ialah untuk memperoleh keberkatan atau rezeki yang melimpah dari suatu usaha. Selain daripada itu, ia merupakan upacara yang bertujuan untuk menolak bencana dan untuk merayakan peristiwa penting dalam kehidupan manusia seperti kelahiran, perkahwinan, dan kematian. [Turner \(1969\)](#) menyatakan ritual merupakan suatu penzahiran dari keyakinan keagamaan di mana ritual-ritual yang dijalankan mendorong sesuatu untuk mematuhi tertib sosial tertentu. Ritual juga memberi motivasi dan nilai-nilai pada tahap paling mendalam. Hasil penelitiannya mendapati ritual dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ritual krisis hidup seperti kelahiran, perkawinan atau kematian, dan ritual gangguan seperti nasib sial semasa berburu atau masalah kesuburan wanita.

Ritual kematian bukan sahaja terhad kepada komuniti Berawan, tetapi turut diamalkan dalam komuniti lain seperti komuniti Bajau di Sabah, Melanau Likow di Sarawak, komuniti beragama Hindu di Malaysia dan Indonesia. Setiap ritual turut mengungkapkan simbol dan makna khusus dalam pelaksanaannya. Simbol-simbol digunakan untuk merujuk pada sesuatu yang unggul, yang melampaui manusia, yang melampaui waktu, dan metafizikal. Justeru, simbol-simbol digunakan dalam upacara merupakan medium komunikasi dengan Tuhan yang sesuai dengan hasrat yang ingin dicapai semasa upacara berlangsung.

[Eliade \(1991\)](#) pula menekankan bahawa simbol adalah penanda khusus dalam konteks keagamaan di mana ia merupakan penampakan yang dapat dilihat dari ritual. Simbol-

simbol yang digunakan dalam upacara atau istiadat bertindak sebagai medium komunikasi, mengungkap ajaran agama dan kebudayaan yang dipegang, serta bersesuaian dengan tujuan yang ingin dicapai oleh upacara yang dijalankan. Dalam upacara kematian komuniti Berawan, terdapat rangkaian upacara yang panjang dan rumit, dari saat seseorang meninggal hingga dimakamkan. Di dalam ritual kematian, komuniti Berawan menggunakan simbol-simbol yang menjadi pengalaman keagamaan dalam bentuk konseptual serta sebagai gambaran yang membantu jiwa yang beribadah untuk memahami realiti spiritual. Kesemua ritual dan simbol mempunyai makna dan nilai yang berbeza.

Dalam memahami adat dan ritual, beberapa teori biasanya digunakan. Satu teori penting adalah Teori Ritual Struktural, yang menyediakan kerangka formal untuk menganalisis ritual (Simpson, 2018). Teori ini membantu dalam menentukan dan menyelidiki peristiwa ritual, menawarkan pendekatan berstruktur untuk memahami kepentingan dan kesan ritual dalam berbagai konteks, seperti jaringan sosial (Bartholomew & Mason, 2019). Selain itu, teori Interaksi Rantai Ritual oleh Collins menekankan sifat simbolis ritual dan peranan mereka dalam menyatakan makna (Meng et al., 2022). Teori ini menyoroti bagaimana ritual adalah perilaku programatik yang melibatkan elemen-elemen simbolik untuk menyampaikan maksud atau tujuan.

Halina Sendera (2012a) menyatakan menerusi perspektif strukturalisme Levi-Strauss (1963), sesuatu adat yang telah terstruktur dalam hubungan harmoni antara lingkungan sistem amalan-amalan kecil yang terkandung dalam struktur adat yang besar adalah bersifat dinamik yang berubah mengikut masa dan situasi. Teori semiotik turut digunakan untuk membuat penilaian serta pemerhatian terhadap adat istiadat di mana teori ini menerangkan hubungan dan interpretasi dalam simbol-simbol. Menurut Levi-Strauss (1963), hubungan antara strukturalisme dan semiologi adalah berdasarkan idea bahawa teori dan teknik linguistik struktural boleh digunakan untuk mengkaji setiap aspek budaya sesuatu bangsa atau masyarakat.

Kajian tentang upacara pengebumian memberikan pandangan mendalam tentang rangkaian kepercayaan, tradisi dan ritual etnik Berawan yang kompleks. Kajian ini juga berfungsi sebagai satu cara untuk memahami warisan budaya tradisi, membantu menelusuri bagaimana ritual pengebumian berkembang dari semasa ke semasa.

1.1. Permasalahan Kajian

Kajian upacara kematian untuk minoriti etnik melibatkan beberapa masalah penyelidikan yang perlu diperhatikan seperti analisis susunan ruang dan geografi yang mempengaruhi kemampuan minoriti etnik melakukan upacara kematian, terutamanya dalam konteks masyarakat pedalaman di Borneo terutama Sarawak. Pertimbangan ini dapat mempengaruhi pemahaman keupayaan melakukan upacara kematian bagi komuniti minoriti Berawan.

Tambahan pula kurangnya kajian serta kefahaman tentang bagaimana kepercayaan dan amalan agama mempengaruhi cara kumpulan minoriti etnik terlibat dalam upacara kematian. Menjelajahi pertindihan kepercayaan agama dengan norma budaya dan tradisi boleh memberikan pandangan tentang kepentingan agama dalam konteks upacara kematian bagi minoriti etnik Berawan.

1.2. Objektif Kajian

Mengkaji proses-proses ritual dan jenis-jenis simbol ritual dalam pelaksanaan pemakaman ketua komuniti etnik Berawan serta menilai prinsip sosial dan pengaruh luaran yang terdapat dalam ritual tersebut.

2. Sorotan Literatur

2.1. Adat Kematian Masyarakat Borneo

[Halina Sendera \(2012b\)](#) telah menjalankan kajian yang komprehensif tentang adat kematian di Borneo dan Asia, khususnya komuniti Bajau di Kota Belud, Sabah. Beliau menelusuri makna simbol serta ritual yang menjadi pegangan kosmologi masyarakat Bajau. Dapatan kajian mengetengahkan pengaruh agama Buddha dan Hindu dalam sistem hierarki sosial, serta kepercayaan terhadap kuasa makhluk ghaib yang mempunyai kesaktian. Namun kepercayaan ini berubah dengan penerimaan agama Islam dalam masyarakat walaupun evolusi berlaku dalam keadaan yang perlahan dan tidak seragam. Kajian [Nasir et al. \(2019\)](#) menunjukkan bahawa terdapat masih banyak elemen animisme dalam ritual pemakaman yang diamalkan oleh Orang Sungai di Pitas, Sabah walaupun kebanyakan mereka telah menganut agama Islam. Di antaranya ialah gunting atau jarum, cermin, dan benang itu akan dimasukkan ke dalam kain kapan yang bertujuan untuk menghalang penembusan roh jahat ke dalam badan.

Sementara itu, kajian oleh [Metcalf \(1991\)](#) memperincikan tentang ritual kematian masyarakat Berawan. Ritual-ritual ini meliputi semua peringkat yang dicadangkan oleh [Gennep \(1960\)](#), iaitu perpisahan, peralihan, dan penyatuan semula. Kajian tersebut secara teliti menggariskan pelbagai ritual yang berlaku sebelum dan semasa upacara pengebumian, serta amalan dan pantang larang yang diikuti. Setiap ritual dimaknai dengan konsep kosmologi yang bertujuan mencapai kesejahteraan kepada roh yang telah serta menolak bencana bagi mereka yang masih hidup.

Manakala [Dzulfawati \(1993; 2006\)](#) telah mengkaji upacara serta istiadat kematian komuniti Melanau Likow di Sarawak. Kajian-kajian tersebut menyelidik tujuan dan jenis kepercayaan, serta kronologi ritual kematian yang dijalankan. Hasil penyelidikan mendapati komuniti Melanau menganggap upacara kematian adalah suatu amalan yang sangat penting, justeru ianya diamalkan secara meluas dan mendalam oleh masyarakat tersebut. Ritual yang diamalkan adalah kompleks kerana istiadat tersebut merupakan ekspresi pegangan kepercayaan, taraf ekonomi serta kebudayaan masyarakat. Walaupun ritual kematian komuniti Melanau menuntut masa yang panjang serta sumber kewangan yang besar, ianya menjadi suatu platform solidariti masyarakat melalui nilai empati, belas kasihan, kerjasama, dan semangat kejiranan. Kajian tersebut disokong oleh dapatan dari [Sherrylyn dan Adnan \(2021\)](#) yang menjelaskan terdapat perbezaan ritual pemakaman bagi golongan aristokrat dan pertengahan. Ini adalah kerana masyarakat Melanau sangat mementingkan status sosial dalam kehidupan mereka mengakibatkan terdapat perbezaan dari segi bentuk kubur, keranda dan ukiran pada keranda.

Namun, adat kematian mengalami banyak perubahan dari segi amalan dan kepercayaan kerana terdapat pengaruh agama seperti Islam dan Kristian serta kekangan ekonomi. Ritual kematian etnik Suluk juga turut mengalami perubahan dari segi amalan pemakaman selepas mereka memeluk Islam, walaupun masih ada golongan kecil yang mengamalkan adat nenek moyang ([Ramlie et al. 2022](#)). Komuniti Iban di Sarawak

menunjukkan kecenderungan yang serupa, di mana agama Kristian dan teknologi telah mempengaruhi pemahaman dan pandangan terhadap amalan-adat tradisional (Kiyai @ Keai, 2019).

3. Metod Kajian

Kajian analisis ritual adalah berdasarkan pendekatan berstruktur yang diketengahkan oleh Genne (1960) iaitu peringkat pemisahan, peralihan, dan penggabungan. Manakala kajian mengenai simbol adalah berdasarkan analisis simbolik dalam ritual oleh Turner (1969) yang mengkaji bagaimana simbol digunakan dalam ritual untuk berkomunikasi dan menjalankan perubahan sosial. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan rakaman audio dan visual yang dibuat semasa ritual adat pemakaman untuk menganalisis kedua-dua bentuk tingkah laku (verbal dan bukan verbal) dalam mengenal pasti proses-proses ritual adat dalam upacara kematian komuniti Berawan.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan teknik etnografi bagi mengumpulkan data di dalam kajian. Data kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan bagi memahami ritual dan simbol dalam adat kematian komuniti Berawan. Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat mengenai amalan ritual kematian komuniti, beberapa teknik pengumpulan data akan digunakan:

- i. Temu bual
- ii. Pemerhatian
- iii. Kajian perpustakaan

4. Hasil Kajian

Menurut Gang Chen (2000), kajian tentang kematian dalam bidang antropologi dapat dikesan menerusi pelbagai pendekatan. Dalam kebanyakan adat, kematian dikaitkan dengan amalan dan ritual tertentu.

Kumpulan etnik Berawan sebelum ini mengamalkan sistem kepercayaan animistik sebelum memeluk agama Kristian atau Islam. Masyarakat percaya bahawa roh-roh yang telah meninggal kembali ke tempat asal mereka, yang dikenali sebagai "bilih puong." Menurut kepercayaan mereka, roh-roh ini melakukan perjalanan yang membawa mereka merentasi laut sehingga mereka sampai ke sebuah pokok Ara. Pokok ini disimbolkan sebagai tangga menuju syurga oleh roh-roh tersebut.

Terdapat pelbagai penjelasan acara ritual diadakan dalam upacara kematian. Komuniti etnik Berawan menganggap kematian sebagai peralihan status bagi seseorang individu yang mengalami kematian. Ritual kematian etnik Berawan dapat dikaji dan diterokai menerusi tiga tahap iaitu sebelum, semasa dan selepas upacara pengebumian.

4.1 Sebelum Upacara Pengebumian

Berita kematian ketaoh akan dihabarkan melalui pukulan tawak. Tawak merupakan suatu alat muzik yang menyerupai gong tetapi berdimensi lebih tebal dari gong. Tawak sering digunakan dalam pelbagai upacara, dan irama pukulan gong (Rajah 1). Namun, tawak berbeza-beza mengikut acara yang dilakukan. Sejurus mendapat perkhbaran, penduduk rumah panjang akan menyiapkan pelantar untuk meletakkan mayat yang dipanggil "teloren". Sementara sebahagian penduduk membina teloren, sebahagian lagi penduduk akan mempersiapkan mayat untuk ritual pengebumian. Masyarakat

tradisional Berawan tidak mengawet mayat walaupun ritual tersebut boleh mengambil masa sehingga dua minggu. Mayat terlebih dahulu akan dibersihkan dan dipakaikan dengan pakaian baru atau pakaian terbaik yang dimiliki semasa hayatnya. Kemudian, mayat akan diusung ke kawasan dapur bertujuan untuk memberitahu mayat yang dia telah pun meninggal dunia. Pengusung dan pengiring mengingatkan supaya roh mayat tidak lagi masuk ke dalam rumah serta mengganggu ahli keluarga yang ditinggalkan.

Rajah 1: Gong dan Tawak



Setelah ritual pesanan kepada mayat, gong akan mula dipalu serta mayat akan dibawa keluar ke ruai dan diletakkan di atas teloren. Mulai saat itu, gong dan tawak akan dipalu sehingga malam pemakaman (Rajah 2). Bagi rakyat biasa, ritual paluan gong setiap malam tidak dijalankan.

Rajah 2: Permainan gong dan tawak setiap malam sebelum majlis pengebumian.



Sepanjang mayat berada di dalam rumah, upacara sembahyang serta permainan tepah akan dijalankan setiap siang dan malam. Pada waktu malam, ritual nyanyian berbentuk syair yang menceritakan perjalanan kehidupan mayat. Upacara ini hanya boleh dilakukan oleh penyanyi tertentu dan dilagukan dalam bahasa Berawan. Namun begitu, menurut kajian bersama responden, tiada lagi penyanyi yang mereka ketahui dapat melakukan ritual tersebut, mengakibatkan ritual ini ditinggalkan. Menurut responden, anutan agama Kristian atau Islam memainkan peranan penting dalam pengabaian ritual berkenaan.

Permainan tepah menyerupai tarian alu-alu oleh komuniti Melanau, atau dikenali sebagai permainan Rangku Alu di kawasan Nusantara Tenggara Timur di Indonesia. Seperti mana etnik Berawan, komuniti Melanau menjadikan alu-alu sebagai sebahagian daripada upacara pemakaman. Etnik Berawan bermain tepah dalam ritual sebelum pengebumian, berbeza dengan etnik Melanau yang menjadikan permainan tersebut dalam ritual perkabungan. Namun, bagi komuniti Nusantara Tenggara Timur atau Flores di Indonesia, ia merupakan sebahagian dari adat selepas penuaian. Pada zaman dahulu, etnik Berawan menggunakan alu padi sebagai alat permainan namun kini telah ditukar menggunakan buluh kerana lebih mudah didapati. Permainan tepah memerlukan dua kumpulan iaitu pemain atau penari, dan penjaga yang bertugas mengerakkan alu atau buluh. Alu atau buluh akan ditutup dan buka mengikut irama yang dimainkan penjaga, penari akan melompat mengikut irama buka-tutup alu tersebut. Mengikut adat dahulu, kanak-kanak dilarang mengikuti sebarang upacara kematian tersebut. Namun sekarang, larangan tersebut tidak lagi diikuti.

Adat persiapan sebelum pengebumian mengambil masa yang lama kerana penduduk perlu menyiapkan tempat persemadian berdasarkan status ketaoh. Semakin tinggi kedudukan ketaoh di mata masyarakat, semakin megah dan semakin halus hasil seni ukiran pada makam tersebut. [Rajah 3](#) menunjukkan contoh makam ketaoh yang diukir sebagai simbol kebangsawanan.

Rajah 3: Contoh tempat pemakaman bangsawan – Lejeng di Tasik Loagan Bunut merupakan dua tiang yang diukir dari pokok belian untuk menyokong keranda.



Sepanjang persiapan tersebut, kerabat ketaoh perlu memakai baju, lilit pinggang dan lilit kepala berwarna putih. Sebelum kerabat mendiang menjamah sebarang makanan, terlebih dahulu mayat hendaklah dihidangkan dengan sepiring makanan. Makanan tersebut dibiarkan di hadapan mayat sehingga hari pengebumian dan akan dibuang di hadapan rumah bersama-sama baju si mati.

Sekiranya si mati mempunyai pasangan, duda atau balu tersebut akan diasingkan dari penduduk dan disembunyikan dalam gulungan tikar berhampiran mayat selagi mana mayat belum ditanam. Dinding akan ditebuk berhampiran tikar untuk menghulurkan makanan, dan lantai akan ditebuk untuk membuang air. Anak si mati akan menjaga mayat tersebut dan tidak boleh berjauhan dari mayat. Adat ini dipanggil “ngeliang”.

Pada malam terakhir sebelum pemakaman, penduduk rumah panjang tidak dibenarkan tidur untuk ritual nyanyian “Gek”. Ritual ini bertujuan untuk memanggil semangat penduduk rumah panjang masih hidup untuk kembali ke jasad masing-masing. Masyarakat Berawan percaya, semasa berlaku sesuatu krisis atau kecelakaan, ada semangat yang lemah akan keluar dari jasad seseorang. Upacara ini dijalankan dengan menyebut nama setiap ahli rumah panjang dan mengetuk-ngetuk sekeliling dulang tembaga dengan kayu kecil seperti penyepit. Keluarga ketaoh juga wajib menghidangkan satu set kopi dan kuih penaram bersama nasi lembik kepada setiap bilik di rumah panjang.

Rentetan ritual yang rumit ini memerlukan penyelarasan dan kerjasama daripada pelbagai lapisan umur. Ini menunjukkan kesatuan masyarakat Berawan dalam menyokong ahli komuniti yang lain. Rangkain sokongan ini sangat diperlukan kerana ritual berlaku berterusan sehingga 40 hari selepas pengebumian.

4.2 Semasa Upacara Pengebumian

Semasa upacara pengebumian, mayat akan dibawa turun melalui tangga khas yang dibina dari kayu berbentuk bulat. Golongan ketaoh juga diberi penghormatan dengan membawa keranda melalui di bawah bendera berwarna merah putih dan di atas susunan tawak dan gong (Rajah 4).

Rajah 4: Persiapan semasa upacara pengebumian



Penghormatan seterusnya diberikan dengan cara membawa mayat akan mengelilingi sungai berhampiran rumah panjang. Secara umumnya, rumah panjang etnik Berawan berada di pesisir sungai yang merupakan kaedah pengangkutan utama. Mayat akan ditanam bersama keranda dan beberapa barangan asas seperti kual, pinggan dan beg akan diletakkan disekeliling pusara. Barang-barang tersebut akan ditebuk lubang kecil simbolik cara memaklumkan si mati bahawa dia telah pun berpindah ke alam yang lain. Komuniti Berawan percaya bahawa mayat tidak menyedari meraka telah pun mati. Justeru, setelah dikuburkan, mayat masih merasakan keperluan penggunaan barang-barang tersebut.

4.3 Selepas Upacara Pengebumian

Setelah pemakaman, kesemua penduduk rumah panjang akan berkabung selama sehari. Berkabung merupakan simbolik untuk menggambarkan kepiluan di atas kematian dan perkara ini dilakukan oleh hampir kesemua masyarakat di dunia walaupun menganuti agama atau budaya yang berbeza. Bendera berwarna putih diletakkan di kiri dan kanan sungai rumah panjang bagi menandakan berlakunya kematian di rumah tersebut. Pada masa ini, rumah panjang tidak menerima sebarang tetamu. Sekiranya terdapat pelawat, mereka akan dikenakan denda berbentuk parang, dulang dan anak ayam. Malam pertama selepas pemakaman dikenali sebagai “malam ngiteng”. Etnik Berawan mempercayai roh akan balik ke rumah pada malam tersebut, maka ahli keluarga perlu berjaga sepanjang malam. Pada hari kedua, hanya kerabat ketaoh sahaja yang masih berkabung, manakala penduduk lain boleh melakukan aktiviti harian seperti biasa.

Walaupun tempoh berkabung bagi penduduk rumah panjang telah selesai, masih terdapat ritual yang berterusan yang perlu mereka ikuti. Pada hari ketiga, ritual “ketek liang” atau upacara buang pantang dengan cara memotong beberapa helai rambut. Ritual ini merupakan ritual voluntari, dan tiada paksaan untuk sesiapa menjalankannya. Pada hari tersebut juga penduduk rumah panjang akan mendirikan dari kayu yang berbentuk “t” sebagai simbol manusia dipanggil “uleng” di hadapan rumah si mati. Sewaktu ritual ini, penduduk rumah panjang akan mengotorkan penduduk yang lain dengan melumurkan lumpur. Ulenng kemudiannya diletakkan di sungai dan dibiarkan mereput dengan sendirinya. Apabila penduduk naik ke rumah, penduduk akan bermain “ketik apok” iaitu hentakan kayu dari hujung rumah ke hujung yang lain dan kembali ke tempat asal. Kemudian penduduk serta ahli keluarga rumah panjang boleh makan seperti biasa. Rumah si mati perlu sentiasa terang sehingga pada malam bulan mengambang. Pada malam tersebut, ahli keluarga akan menangis dan menandakan ritual kematian tersebut berakhir.

5. Kesimpulan

Ritual kematian kumpulan etnik Berawan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk susunan ruang, amalan budaya, dan agama. Kajian ini meneroka amalan ritual selepas kematian ketua komuniti etnik Berawan yang dipanggil Ketaoh. Kajian mendapati perbezaan budaya dan ritual, menonjolkan kepelbagaian simbol dalam menangani jenazah, pengebumian dan perayaan si mati.

Adat istiadat pengebumian memainkan peranan penting dalam proses mengucapkan selamat jalan serta memberikan ketenangan kepada keluarga yang ditinggalkan. Upacara-upacara ini sering melibatkan ritual suci yang harus dipatuhi untuk menjaga kelangsungan upacara pengebumian. Berdasarkan konsep tindakan sosial, ritual adat

kematian menerangkan tentang tingkah laku keluarga dan ahli komuniti dalam upacara dan amalan adat kematian. Ini mencerminkan keseluruhan identiti adat, termasuk ritual adat kematian, dalam etnik Berawan yang menggambarkan pengaruh kepercayaan yang diwarisi turun-temurun. Namun begitu, banyak daripada adat dan ritual kematian etnik Berawan telah berlaku modifikasi akibat pelbagai pengaruh luar seperti kepercayaan dan pemeliharaan terhadap ajaran agama serta perkembangan teknologi.

Perspektif strukturalisme membawa kepada kesimpulan bahawa sebuah struktur terdiri daripada substruktur yang saling berkait rapat. Dalam tafsiran ini, adat istiadat pengebumian etnik Berawan juga dilihat sebagai sebuah struktur yang merangkumi urutan ritual pemakaman, menyumbang kepada sistem kepercayaan dan budaya keseluruhan masyarakat Berawan. Secara ringkasnya, adat istiadat pengebumian masyarakat etnik Berawan masih mengekalkan beberapa amalan tradisional dan kepercayaan animisma. Ini menunjukkan pengekalan budaya asal etnik Berawan untuk adat kematian walaupun terdapat proses evolusi dan amalgamasi budaya. Perubahan substruktur dalam setiap budaya adalah unik dan berlakunya penyesuaian budaya berlaku secara automatik bagi menjamin kestabilan struktur asas dalam adat etnik Berawan.

Kajian ini mencadangkan bahawa ritual kematian dalam kalangan kumpulan etnik Berawan dibentuk oleh gabungan faktor spatial, budaya dan agama. Memahami kerumitan upacara ritual kematian dan mempertimbangkan pelbagai amalan serta tadbir urus proses pemakaman adalah penting untuk mengkaji secara menyeluruh upacara kematian etnik Berawan di Sarawak.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik telah mendapat pengecualian kelulusan Jawatankuasa Etika Universiti yang Melibatkan Manusia Universiti Putra Malaysia (JKEUPM). Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian telah diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis menghargai bantuan kewangan yang diberikan oleh Universiti Putra Malaysia melalui Geran Pehin Adenan Satem (6700202). Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak berikut atas bantuan mereka dalam penyelidikan ini: KK Dennis ak Jalin, KK Jau Bato, Jerawit Kumbang, Jalin ak Luta, Itang Kumbang, Leming Gumbang, Doreen Meran @ Thiama Meran, Louis Tingang, Beluluk Ukat, dan Roland Ayu.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan selain daripada Geran Pehin Adenan Satem (6700202), Universiti Putra Malaysia.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Bartholomew, D. & Mason, M. (2019). Facebook rituals: identifying rituals of social networking sites using structural ritualization theory. *Journal of Consumer Behaviour*, 19(2), 142-150. <https://doi.org/10.1002/cb.1799>
- Burkhardt, J. L. & Burkhardt, J. M. (2017). Then and now: Changes in social organisation and livelihood of the Berawan community since the formation of Malaysia. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 3(1), 55-66. <https://doi.org/10.33736/jbk.618.2017>
- Burkhardt, J. L. & Burkhardt, J. M. (2019). Developing a unified orthography for Berawan: An endangered Bornean language. *Written Language & Literacy*, 22(2), 280 – 306. <https://doi.org/10.1075/wll.00029.bur>
- Dzulfawati Hassan. (1993). *Satu analisis mengenai upacara kematian Melanau Likow di Sarawak*. [Tesis Doktor Falsafah], Universiti Kebangsaan Malaysia. <http://ptsldigitalv2.ukm.my:8080/jspui/handle/123456789/460629>
- Dzulfawati Hassan. (2006). *Upacara kematian Melanau Likow di Sarawak*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Eliade, M. (1991). *Images and symbols: Studies in religious symbolism* (Vol. 538). Princeton University Press.
- Gang Chen, M. A. (2000). *Death rituals in a Chinese village: An old tradition in contemporary social context*. [Unpublished PhD Thesis]. The Ohio State University.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2012a). Adat Kematian Masyarakat di Sabah: Kesejagatan weltanschauung daripada perspektif strukturalisme. Dalam *Setitik Dijadikan Laut, Sekepal Dijadikan Gunung*, disunting oleh Saidatul Nornis Haji Mahali dan Asmiaty Amat, 47-68. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2012b). Symbolism in the death ritual among The Bajaus. *The International Journal of the Humanities*, 9(10), 71-84. <https://doi.org/10.18848/1447-9508/CGP/v09i10/43352>
- Kiyai @ Keai, G. (2019). Tukang Sabak dalam budaya dan upacara Nyabak Masyarakat Iban di Sarawak: Satu Penelitian awal. *Kupas Seni: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 7, 120–125. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol7.14.2019>
- Levi-Strauss, C. (1963). *Structural anthropology*. Penguin Books.
- Meng, L., Zhao, Y., Jiang, Y., Bie, Y., & Li, J. (2022). Understanding interaction rituals: the impact of interaction ritual chains of the live broadcast on people's wellbeing. *Frontiers in Psychology*, 13, 1041059. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1041059>
- Metcalf, P. A. (1976). Who are the Berawan? Ethnic classification and the distribution of secondary treatment of the dead in Central North Borneo. *Oceania*, 47(2), 85-105.
- Nasir, K., Kamarul Zaman, A. R., & Mamat, S. (2019). Pengaruh Animisme dalam Adat Kematian Orang Sungai di Daerah Pitas, Sabah: Satu Tinjauan. *Borneo International Journal*, 1(3), 1-11.
- Ramlie, H. A., Hilmi, E. E., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2022). Tinjauan Adat Kematian Etnik Suluk Di Daerah Kudat, Sabah Dari Aspek Kepatuhan Syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 364 - 376.
- Sherrylyn Kang & Adnan Jusoh (2021). Manifestasi Status Sosial Berdasarkan Tradisi Pengebumian Tradisional Masyarakat Melanau. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(2), 63-75.
- Simpson, J., Knottnerus, J., & Stern, M. (2018). Virtual rituals: community, emotion, and ritual in massive multiplayer online role-playing games—a quantitative test and extension of structural ritualization theory. *Socius: Sociological Research for a Dynamic World*, 4. <https://doi.org/10.1177/2378023118779839>
- Turner, V. W. (1969). *The Ritual Process: Structure and Anti-Structure*. Chicago: Aldine.
- Van Gennep, A. (1960). *The Rites of Passage*. Routledge and Kegan Paul.